



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 3 JUN 2025**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MALAYSIA-THAILAND PERKUKUH KERJASAMA SEKTOR PERTANIAN, NEGARA, KOSMO – 7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	'MORE YOUTHS SHOWING INTEREST IN AGRICULTURE', NEWS, THE STAR – 5	
3.	ENAM EKOR BANGKAI BABI HUTAN POSITIF ASF, NEGERI, SINAR HARIAN – 26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	ENAM EKOR BANGKAI BABI HUTAN POSITIF JANGKITAN ASF, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 10	
5.	JOHOR SETS HIGHER AQUACULTURE OUTPUT TARGET, NATION, THE STAR – 10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	PENGANJUR PERTANDINGAN LEPAS KELI AFRIKA TANPA KEBENARAN JABATAN PERIKANAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 29	
7.	BAUNG EKOR MERAH 'TAWAN' TIGA NEGERI, NEGARA, KOSMO – 13	
8.	IKAN ASING: SELAMATKAN SEGERA EKOSISTEM AIR TAWAR NEGARA, SUARA SINAR, SINAR HARIAN – 16	
9.	ANCAMAN KELI AFRIKA, NASIONAL, SINAR HARIAN – 13	
10.	PENYELUDUP LEMBU EKSPLOITASI KELEMAHAN PERUNDANGAN, LOKAL, HARIAN METRO - 8	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
11.	LKIM SUDAH MOHON PERUNTUKAN RM1.8J, LOKAL, HARIAN METRO – 12	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12.	SAYUR PERCUMA, MUKA HADAPAN, UTUSAN MALAYSIA	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13.	PELAJAR BIAK BENIH BATU KARANG DI PULAU PERHENTIAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 28	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2026	NEGARA	KOSMO	7

## Malaysia-Thailand perkukuh kerjasama sektor pertanian

**PUTRAJAYA** - Malaysia dan Thailand akan terus memperkukuh kerjasama dalam sub-sektor tanaman, ternakan dan perikanan, serta meningkatkan perdagangan dua hala dalam sektor pertanian melibatkan kedua-dua negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perbincangan mengenai kerjasama itu dibuat sempena lawatan kerja rasmi beliau selama empat hari ke Thailand sejak 29 Mei lalu.

Katanya, lawatan beliau dimulakan dengan pertemuan dua hala bersama rakan sejawatnya, Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand, Prof. Dr. Narumon Pinyosinwat.

"Dalam sesi perbincangan ini, kedua-dua pemimpin menyenutuh pelbagai perkara penting termasuk hasrat untuk memuktamadkan memorandum persefahaman (MoU) yang kini berada pada peringkat akhir rundingan," katanya.

Sempena program itu, beliau

turut hadir ke THAIFEX Anuga Asia, sebuah ekspo perdagangan makanan dan minuman tahunan bertaraf antarabangsa.

Selain itu, Mohamad merasmikan Pavilion Malaysia yang menampilkan 137 syarikat dari Malaysia dengan menyaksikan pemeteraian MoU bernilai RM17 juta.

Lawatan kerja diakhiri dengan kunjungan ke Kubota Farm, sebuah pusat inovasi pertanian canggih yang dibangunkan oleh syarikat terkemuka Siam Kubota.



**MOHAMAD** mengadakan pertemuan rasmi dengan Dr. Narumon Pinyosinwat di Bangkok baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2026	THE STAR	NEWS	5



Many are unaware of the grants to assist youths in starting up their own business in farming, livestock farming, fisheries or agro-based industries. — Filepic

Lo (left) presenting a token to Muhamad Izad who shared about the incentives for young farmers.

# 'More youths showing interest in agriculture'

By YEE XIANG YUN  
xiangyun@thestar.com.my

IF YOU are between 18 and 45 years old and want to venture into farming, the Agriculture and Food Security Ministry is offering a start-up grant worth up to RM30,000.

Johor Fruit Farmers Association chairman Alvins Lo said many people were unaware of the "Geran Agropreneur Muda" (GAM) to assist youths in starting up their own business in farming, livestock farming, fisheries or agro-based industries.

"Interest among youths towards the agricultural sector has increased in recent years.

"We have been receiving many inquiries from youths looking for entrepreneurship opportunities and subsidies in the agriculture sector, which is a good sign," he said in an interview.

As such, the association organised an agricultural talk in Yong

## Farmers association advises those aged between 18 and 45 to apply for start-up grants

Peng attended by about 40 youths.

Lo said the association invited Batu Pahat Agriculture Department's urban farming unit assistant officer Muhamad Izad Zolzali who spoke about incentives and subsidy programmes available for the participants to apply.

"He promoted the GAM initiative, which was met with enthusiasm from the attendees as the grant addresses the needs of young farmers by providing them non-cash assistance.

"The speaker gave a detailed explanation about the eligibility of the grant and common reasons for rejection," said Lo.

He added that Muhamad Izad also gave tips and recommendations for their application such

as financial planning and harvest estimates.

Lo said there was an opportunity for GAM recipients to further apply for another initiative called GAM Scale-up, to help them with upstream activities.

"The scale-up grant, worth up to RM50,000 per individual, would be disbursed in the form of agrotechnology, mechanisation and automation equipment.

"In the question-and-answer portion of the event, Muhamad Izad addressed the participants' concerns and advised them to register their business as an enterprise to ease subsidy applications as well as enjoy future benefits," he added.

Apart from disseminating information about the incentives, the talk was also a way of

bridging the gap between the government agency and young farmers.

Lo said the association would continue working closely with the ministry to organise more talks to promote initiatives such as the Malaysian Good Agricultural Practices and Maximum Residue Limits for pesticide use.

"It is through good agricultural practices and management that we can ensure our farmed products reach consumers in a safe and edible condition to improve market standards.

"I also took the opportunity to encourage the young farmers to join the association as a platform to communicate and build strength to contribute to agricultural development," he said.

3/6/2026

SINAR  
HARIAN

NEGERI

26

## Enam ekor bangkai babi hutan positif ASF

**AMPANG** - Enam ekor bangkai babi hutan yang ditemui di Jalan Tebrau 1 dan Dataran Ukay, di sini antara 28 April hingga 15 Mei lalu disahkan positif jangkitan demam babi Afrika (ASF).

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor, Wan Mohd Adib Wan Mohd Yusoh berkata, pihaknya telah menerima enam aduan mengenai penemuan bangkai babi hutan tersebut.

Menurutnya, siasatan awal telah dijalankan Pejabat Perhilitan Selangor di lokasi penemuan bangkai.

"Sampel bangkai kemudiannya dihantar ke Bahagian Konservasi Ex-Situ, Ibu Pejabat Perhilitan untuk analisis dalaman, sebelum dirujuk kepada Makmal Veterinar Zon Tengah (MVZT), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi tujuan ujian pengesanan penyakit.

"Pada 20 Mei, Jabatan Perhilitan telah menerima laporan rasmi daripada DVS yang mengambil maklum bahawa sampel yang dianalisis adalah positif bagi jangkitan penyakit ASF melalui kaedah ujian qPCR.

"ASF ialah penyakit virus berjangkit yang hanya menjejaskan babi hutan dan babi domestik. Ia tidak menjangkiti manusia atau haiwan lain dan tidak memberi risiko kesihatan awam," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Menurutnya, bagi memastikan urusan kes itu dikawal secara menyeluruh, Perhilitan terus bekerjasama rapat dengan DVS, pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan untuk pemantauan, pelupusan bangkai dan penyahjangkitan kawasan mengikut prosedur biosekuriti sedia ada.

Tambahnya, tindakan juga diambil dengan mengumpul dan menganalisis mana-mana bangkai baharu yang dijumpai di lokasi berhampiran.

"Kita juga jalankan pemantauan kesihatan populasi hidupan liar di kawasan yang berisiko selain meningkatkan pengawasan dan kesiapsiagaan terhadap kemungkinan penularan kes serupa di kawasan lain," ujarnya.

Oleh itu, Wan Mohd Adib menasihatkan orang awam agar tidak menyentuh, mengali atau menghampiri mana-mana bangkai haiwan liar yang ditemui khususnya spesies babi hutan.

"Sebarang aduan, penemuan atau maklumat berkaitan hidupan liar boleh disalurkan melalui Talian Hotline Perhilitan di talian 1-800-88-5151," katanya.



**WAN MOHD ADIB**



Perhilitan Selangor melaksanakan pemeriksaan bangkai babi hutan yang ditemui di Ampang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

## Enam ekor bangkai babi hutan positif jangkitan ASF

**PETALING JAYA:** Enam ekor bangkai babi hutan yang ditemukan di Jalan Tebrau 1 dan Dataran Ukay, Ampang dekat sini antara 28 April hingga 15 Mei lalu positif jangkitan demam babi Afrika atau *African Swine Fever* (ASF).

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor, Wan Mohd. Adib Wan Mohd. Yusoh berkata, pada 20 Mei lalu, pihaknya menerima laporan rasmi daripada Jabatan Veterinar (DVS) yang mengambil maklum bahawa sampel yang dianalisis adalah positif bagi jangkitan penyakit ASF.

“ASF ialah virus berjangkit yang hanya menjejaskan babi hutan dan babi domestik serta tidak menjangkiti manusia atau haiwan lain. Ia tidak memberi risiko kesihatan awam melalui,” katanya.

Ujarnya, pemantauan, pelupusan bangkai dan penyahjangkitan kawasan mengikut prosedur biosekuriti sedia ada akan terus dilakukan.

## Johor sets higher aquaculture output target

By MOHD FARHAAN SHAH  
farhaan@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Johor is targeting an increase in aquaculture production to 38,000 metric tonnes within the next two years as part of a long-term strategy to enhance food security and grow the state's agri-food sector.

State agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said efforts are underway to strengthen the sector by encouraging participation from government-linked companies (GLCs) and private entities.

"One of the latest efforts comes from Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ), which is spearheading a pilot white shrimp farming project in Gelang Patah," he said yesterday.

Describing the move as timely and strategic, Zahari said the KPRJ project aligns with the state's priorities to ensure long-term food resilience while creating new economic opportunities.

"Johor's aquaculture production in 2024 is 32,000 metric tonnes, and the state government is targeting an increase to 38,000 metric tonnes by 2027," he said, adding that high-tech, high-yield farming systems, especially those involving GLCs, are crucial to reaching the target.

Zahari added that the pilot project will be developed in the Aquaculture Industrial Zone (ZIA) and will involve the construction of two high-density polyethylene ponds.

These ponds, he said, will lay the foundation for commercial-scale white shrimp farming using modern aquaculture techniques to boost yield and reduce environmental impact.

The ZIA already houses 12 operational shrimp ponds developed by the Johor Farmers' Organisation and the Johor Baru Southern Area Farmers' Organisation, positioning Gelang Patah as one of the state's most important hubs for aquaculture development.

"With KPRJ's involvement, we expect this area to grow in significance. The shrimp farming project is also part of broader initiatives under the Johor-Singapore Special Economic Zone, which focuses on cross-border collaboration and integrated economic development," Zahari said.

The state government, he added, is optimistic about aquaculture's potential to contribute meaningfully to Johor's economy while reducing reliance on imported seafood.

The pilot project will be closely monitored by the state government, with hopes it can be expanded and replicated in other parts of Johor.

"The Johor government is committed to supporting innovative approaches in aquaculture, especially those involving close collaboration between government agencies, GLCs and local farming communities," Zahari said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

## Penganjur pertandingan lepas keli Afrika tanpa kebenaran Jabatan Perikanan

**SHAH ALAM:** Penganjur pertandingan memancing ikan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang tidak mendapatkan khidmat nasihat Jabatan Perikanan Selangor untuk melepaskan 1,300 ikan keli Afrika ke tasik.

Pengarah Perikanan negeri, Noraisyah Abu Bakar berkata, pihaknya mendapati sebanyak 2,000 kilogram (kg) ikan keli Afrika atau nama saintifiknya *Clarias Gariepinus* dianggarkan sekitar 1,300 ekoran dengan berat purata 1.5kg seekor telah dilepaskan ke dalam tasik MAEPS oleh penganjur pada

minggu lalu.

Katanya, DOF Selangor melihat tindakan pelepasan ikan asing ke perairan umum boleh menjejaskan keseimbangan ekosistem dan mengancam spesies tempatan selain kesan jangka panjang terhadap sumber perikanan negara.

“Tiada sebarang pemakluman atau permohonan mendapatkan khidmat nasihat mengenai pelepasan itu daripada Pejabat Perikanan Selangor.

“Semua pihak termasuk penganjur acara, agensi kerajaan dan swasta perlulah mendapatkan khidmat nasihat tekni-

kal daripada Jabatan Perikanan negeri sebelum melaksanakan aktiviti pelepasan ikan ke perairan awam.

“Ini bagi memastikan tindakan itu selaras dengan prinsip kelestarian alam dan tidak mendatangkan risiko kepada ekosistem tempatan,” katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Sebelum ini, tindakan pelepasan ikan larangan itu tular di media sosial dan mendapat kecaman berikutan tasik itu mempunyai beberapa saluran air keluar ke Wetland (Putrajaya) dan Sungai Langat.

Tasik MAEPS itu juga didakwa mempunyai beberapa spesies ikan tempatan yang masih berkembang biak dengan baik seperti sebarau dan tapah.

Menurut Noraisyah, tasik itu dikenalpasti mempunyai sistem kawalan air yang baik termasuk jaring berdiameter dua inci di saluran dan kawasan sambungan tertutup.

“Justeru, beberapa langkah mitigasi dipersetujui antaranya menerusi pemasangan jaring tambahan dan tong pengumpulan ikan keli yang ditangkap ketika pertandingan selain bahan hebahan kesedaran,” katanya.

## Baung ekor merah 'tawan' tiga negeri

- Berat tertinggi ikan pemangsa direkodkan 28kg
- 'Makan' patin, jadi ancaman ekosistem sungai

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

**PEKAN** - Baung ekor merah iaitu ikan pemangsa yang berpotensi memusnahkan ekosistem sungai menjadi ancaman utama apabila menjadi 'penghuni' sungai utama di tiga negeri setakat ini.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussain berkata, mengikut laporan yang diterima, ikan itu mendominasi Sungai Pahang, Sungai Selangor dan Sungai Perak.

"Berdasarkan program yang dilaksanakan hari ini (semalam), kita dapati ikan baung ekor merah paling besar ditangkap seberat 21 kilogram (kg).

"Keadaan ini menunjukkan ikan ini boleh membesar dalam ekosistem kita dan menjadi ancaman kepada ikan-ikan asli yang ada di sungai. Buat masa ini, kita terima laporan di Pahang, populasinya agak tinggi khususnya di



ADNAN (dua dari kanan) menunjukkan baung ekor merah yang ditangkap pada Program Kesedaran Spesies Ikan Asing dan Pertandingan Moh Tangkap Baung Ekor Merah di Pekan semalam.

Sungai Pahang.

"Kita juga terima laporan terdapat ikan sama berada di Sungai Perak dan Sungai Selangor," katanya pada sidang akhbar selepas Program Kesedaran Spesies Ikan Asing dan Pertandingan Moh Tangkap Baung Ekor

Merah di Pekan Riverfront di sini semalam.

Menurut beliau, baung ekor merah merupakan ikan larangan import 1990 di bawah Jabatan Perikanan. Dari segi biologi, ikan itu boleh mencapai berat 28kg berdasarkan rekod sebelum ini.

Ia boleh membesar seperti temelian dan tapah. Baung ekor merah adalah ikan pemangsa dan memakan ikan-ikan berharga seperti patin.

"Ikan ini lasak dan boleh hidup dalam pelbagai ekosistem. Ia boleh berada di kawasan

air dalam, cetek, arus laju dan tenang," katanya.

Jelasnya, kewujudan baung ekor merah dikesan tujuh tahun lalu menyaksikan banyak program dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak bagi mengeluarkan ikan itu daripada ekosistem sungai negara.

Sejak 2022, Jabatan Perikanan melaksanakan 17 siri memburu ikan asing dan sehingga kini sebanyak 4.4 tan ikan asing dibawa keluar daripada ekosistem sungai negara.

Beliau percaya ikan itu dibawa masuk dari negara jiran oleh peternak sebelum terlepas daripada ternakan seterusnya memasuki perairan sungai negara.

Tambahnya, pihaknya juga percaya ikan itu dibawa masuk ke kolam-kolam pancing sebelum terlepas ke sungai.

"Kita tidak membenarkan ikan ini masuk cuma yang menjadi cabaran hari ini adalah ikan ini sudah ada dan boleh membiak dalam ekosistem kita. Kita agak bernaib baik kerana ikan ini masih mempunyai nilai, harganya agak baik di pasaran.

"Jadi ada komuniti yang bersedia menangkap ikan ini dan menjual di pasaran bagi menambah pendapatan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2026	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

## Ikan asing: Selamatkan segera ekosistem air tawar negara

**Malaysia** kini berdepan ancaman serius terhadap ekosistem air tawar akibat pencerobohan spesies ikan asing invasif seperti ikan bandaraya (pleco), baung ekor merah dan tilapia hitam.

Spesies ini bukan sahaja mengganggu keseimbangan ekologi, malah mengancam kelangsungan spesies ikan tempatan bernilai tinggi seperti kelah, sebarau dan temoleh.

Kajian Jabatan Perikanan Malaysia mendedahkan bahawa ikan bandaraya dan tilapia kini menguasai enam sungai utama di Lembah Klang, termasuk Sungai Klang dan Sungai Kuyoh.

Daripada 817 ekor ikan yang ditangkap dalam satu inventori, hanya enam ekor merupakan spesies asli seperti puyu dan haruan, manakala selebihnya adalah spesies asing.

Ikan bandaraya yang popular dalam industri akuarium, terkenal dengan daya tahan tinggi dan kemampuan menyesuaikan diri dalam pelbagai persekitaran termasuk air tercemar. Ia juga menggali lubang di tebing sungai untuk bersarang yang boleh menyebabkan hakisan dan kerosakan habitat.

Baung ekor merah yang dikenali sebagai 'serigala merah' oleh penduduk Sungai Bernam pula merupakan pemangsa agresif memakan ikan dan udang tempatan, sekali gus mengurangkan populasi spesies asal.

Kehadirannya telah dilaporkan di beberapa lokasi di Semenanjung Malaysia, termasuk Pahang, Johor dan Selangor. Pada 2024, jumlah penemuan tertinggi ialah di Selangor, Pahang dan Perak dengan masing-masing sebanyak 34, 23 dan 21 ekor.

Justeru, larangan melepaskan spesies asing ke perairan umum perlu dikuatkuasakan dengan lebih tegas, termasuk pengawalan terhadap penernakan dan pelepasan ikan invasif seperti baung ekor merah dan juga ikan keli Afrika.

Tindakan seperti pemuliharaan habitat asli melalui penanaman semula tumbuhan akuatik dan pengawalan pencemaran juga perlu dilaksanakan bertujuan memastikan kelangsungan spesies ikan tempatan.

Selain itu, penyelidikan berterusan untuk memantau populasi spesies asing dan kesannya terhadap ekosistem serta mengembangkan strategi pengurusan berkesan perlu dijalankan.

Ancaman spesies ikan asing terhadap ekosistem air tawar Malaysia memerlukan tindakan segera dan bersepadu dari semua pihak.

Dengan kerjasama antara agensi kerajaan, komuniti dan individu, kita dapat memastikan kelestarian biodiversiti akuatik dan sumber perikanan negara untuk generasi akan datang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	13

# Ancaman keli Afrika

1.5 tan spesies ikan tersebut didaratkan, langkah mitigasi dijalankan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
SERDANG

**P**rogram pertandingan memancing di Tasik MAEPS, di sini berjaya menaikkan 1,500 kilogram (kg) ikan keli Afrika pada Sabtu.

Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, pihak urus setia telah menyediakan tong untuk peserta mengisi ikan asing, terutama ikan keli Afrika bagi tujuan ditimbang dan pengiraan bilangan.

"Sebanyak 928 ekor ikan keli berjaya didaratkan dengan berat keseluruhan 1,100kg setakat jam 1.30 petang sehingga pertandingan tamat.

"Penganjur, atas kebenaran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), telah meneruskan aktiviti memancing dengan pe-



Antara saiz keli Afrika yang berjaya ditangkap di Tasik MAEPS, Serdang pada Sabtu.

mantauan urus setia sebelum dimaklumkan bahawa sebanyak 400kg ikan keli Afrika tambahan telah didaratkan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Ujarnya, secara keseluruhan, sebanyak 1,500kg ikan keli Afrika telah didaratkan di Tasik MAEPS, Serdang.

Tambahnya, DOF dimaklumkan bahawa aktiviti memancing secara tidak rasmi dibenarkan

dijalankan di tasik tersebut sehingga Isnin (2 Jun) terbuka kepada semua pengunjung program ShowTech 2025.

Jelasnya, pihak MARDI juga akan menjalankan langkah mitigasi selanjutnya seperti yang telah dibincangkan bersama DOF Selangor.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan sejumlah 2,000kg ikan keli Afrika yang dianggarkan sekitar 1,300 ekor dengan purata berat 1.5kg seekor dipercayai telah dilepaskan ke dalam Tasik MAEPS, pada Khamis.

Susulan aduan awam yang diterima, DOF pada Jumaat telah melakukan lawatan tapak dan mengadakan sesi libat urus berhubung perkara itu.

Pelepasan ikan keli tersebut dilakukan oleh pihak penganjur pertandingan memancing sempena Program ShowTech 2025 tanpa sebarang pemakluman atau permohonan mendapatkan khidmat nasihat DOF Selangor.

DOF Selangor memandang serius sebarang pelepasan spesies ikan asing ke dalam perairan umum kerana tindakan itu boleh menjejaskan keseimbangan ekosistem, mengancam spesies tempatan dan memberi kesan jangka panjang terhadap sumber perikanan negara.

## Penyeludup lembu eksploitasi kelemahan perundangan

**Kuala Lumpur:** Sindiket

penyeludupan lembu dikesan menggunakan pelbagai kaedah bagi membawa masuk haiwan itu secara haram ke negara ini termasuk dengan cara mengeksploitasi kelemahan dari segi perundangan dan enakmen.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA) Datuk Nik Ros Az-

han Nik Ab Hamid berkata, kebanyakan lembu yang dibawa masuk ke negara ini atas dua tujuan.

"Pertama adalah untuk dijadikan sebagai bekalan daging dengan lembu itu dijual bagi pasaran tempatan. Kedua pula adalah untuk dijadikan sebagai lembu korban.

"Kami tidak dapat dipastikan sama ada lembu ini

(yang diseludup) untuk dijadikan sebagai bekalan daging atau korban.

"Dalam isu itu, ia terletak pada 'tangan' pihak yang terbahit iaitu pembelian, penjual dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, pihaknya ada membuat beberapa rampasan lembu seludup

pada April dan Mei lalu.

"Pihak PGA sentiasa memantau dan membuat rondaan di setiap lokasi bagi mengekang kemasukan lembu seludup," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Shamsul Akbar Sulaiman berkata, pihaknya me-

laksanakan susun atur gerak kerja susulan jangkitan peningkatan kemasukan ternakan dari Thailand sempena Aidiladha.

"Kami memastikan kemudahan pusat kuarantin mencukupi serta mengerakan pegawai Maqis dari negeri lain.

"Ia bagi membantu pasukan penguat kuasa di negeri menerima kemasu-

kan lembu yang tinggi seperti di Kedah, Perlis dan Kelantan," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, Maqis sentiasa menjalankan kerjasama erat dengan pelbagai agensi penguat kuasa terutama yang berada di pintu masuk bagi memastikan proses kemasukan haiwan korban berjalan lancar dan selamat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2026	HARIAN METRO	LOKAL	12

## MUARA CETEK DI JETI LKIM KUALA BESAR

# LKIM sudah mohon peruntukan **RM1.8j**

Oleh Hidayatidayu Razali  
am@hmetro.com.my

### Kota Bharu

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sudah memohon peruntukan sebanyak RM1.8 juta daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menyelesaikan masalah muara cetek di Jeti LKIM Kuala Besar, dekat sini.

Pengarah LKIM Kelantan Sobri Ibrahim berkata, sebanyak RM300,000 bagi menyelesaikan masalah hakisan di sekitar kawasan itu.

"Selain itu, sebanyak RM1.5 juta lagi peruntukan dipohon untuk tambahan jeti sepanjang 30 meter dengan bentuk T,"

katanya.

Semalam Harian Metro melaporkan keluhan nelayan yang berdepan masalah muara cetek di Jeti Kuala Besar di sini sejak lebih 10 tahun lalu dan menyukarkan pergerakan bot untuk keluar masuk bagi menghantar hasil tangkapan laut.

Keadaan itu menyebabkan pengusaha bot nelayan bagi kelas A dan B terpaksa mendarat ikan di lokasi lain yang terletak kira-kira 300 meter (m) dari jeti.

Sobri berkata, sekiranya peruntukan ini diluluskan, pihaknya akan melaksanakan kerja membaik pulih jeti dan kawasan sungai dengan segera.

"Insya-Allah kita akan cuba menyelesaikan isu ini dengan sebaik mung-

kin demi kemudahan kepada nelayan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi LKIM Muhammad Faiz Fadzil berkata, peruntukan yang dimohon itu untuk mendalamkan sungai di muara terbabit bagi membolehkan bot besar masuk ke jeti LKIM untuk mendarat ikan.

"Muara menjadi cetek disebabkan ombak membawa masuk pasir dan pasir berkenaan mendap di lokasi itu.

"Kita akan cuba membantu nelayan di kawasan berkenaan dan turut meminta pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membantu bagi mempercepatkan kelulusan peruntukan yang dipohon.

"Kerjasama JPS ini amat diperlukan untuk membantu kelulusan peruntu-

kan dengan segera," katanya.

Beliau berkata, sekiranya peruntukan lulus, antara kerja yang akan dibuat di lokasi itu adalah membina pemecah ombak bagi memulihkan semula sungai berdekatan kompleks LKIM.

Menurutnya, kerja lain adalah untuk mendalamkan muara bagi membolehkan bot nelayan masuk untuk mendarat hasil tangkapan.

"Kita akan melakukan yang terbaik untuk memastikan nelayan di kawasan itu mendapat kemudahan dan membawa hasil tangkapan mereka ke jeti LKIM," katanya.

**Sebarang masalah di kawasan anda boleh dikongsi ke e-mel ke Suara Anda, Kami Dengar di am@hmetro.com.my**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2026	UTUSAN MALAYSIA	MUKA HADAPAN	1



### Sayur percuma

ORANG ramai tidak melepaskan peluang memetik jagung dan kobis pada sesi petik sayur percuma sempena Showcase Teknologi MARDI 2025 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

## Pelajar biak benih batu karang di Pulau Perhentian

**BESUT:** Kira-kira 300 anak benih batu karang *staghorn* atau tanduk rusa dibiakkan semula di perairan taman laut di Pulau Perhentian di sini sebagai usaha memulihara hidupan itu daripada pupus.

Penyelaras Program Pemuliharaan Karang di Pulau Perhentian, Aznan Abas berkata, usaha itu dilakukan dengan penyertaan 30 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Besut dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Setiu, KD Sri Klang, Jabatan Perikanan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

"Program ini untuk meneruskan legasi mereka yang berjuang memelihara dan memulihara batu karang di negara ini daripada ancaman kepupusan serta kemusnahan akibat pemanasan global.

"Melalui program seperti ini juga, kita memberi pendedahan dan pendidikan kepada generasi muda mengenai kepentingan pemuliharaan batu karang yang terdapat di perairan negara," katanya selepas Program Restorasi Karang di Pulau Perhentian.

Aznan berkata, pelajar berpeluang menjalani latihan bagaimana proses penanaman atau pemuliharaan batu karang secara terus dengan tunjuk ajar daripada pelbagai agensi terlibat. Katanya, mereka dikehenda-

ki mengikat batu karang pada ke rangka besi khas untuk dibawa turun ke dasar laut di kedalaman lima meter.

"Proses melekatkan batu karang ini perlu dilakukan di dalam air dan ia tidak boleh dibawa keluar kerana dikhuatiri karang tersebut mati. Pelajar-pelajar menyelam paras permukaan atau *snorkeling* untuk menjalankan proses berkenaan.

"Kemudian kerangka besi tersebut dibawa oleh pasukan skuba untuk diletakkan di lokasi yang ditetapkan," katanya.

Menurutnya, hasil daripada pembiakan itu dapat dilihat dalam tempoh setahun yang mana proses pembesaran berlaku sebanyak lima ke tujuh sentimeter.

Seorang pelajar, Shamimi Khalisha Mohd Saiful Ikhwani, 14, ditemui melahirkan rasa teruja apabila dapat melihat sendiri bagaimana proses pemuliharaan batu karang dilakukan.

"Sebelum ini saya hanya melihat batu karang di kaca televisyen, tetapi pada program ini saya berpeluang melihatnya secara dekat dan ia amat menarik.

"Oleh demikian ia membuatkan rasa berkobar-kobar di dalam diri saya untuk terus memulihara hidupan laut ini dan juga untuk memberitahu rakan-rakan sebaya kepentingan dan peranan generasi muda dalam menjaga khazanah alam," katanya.



**PELAJAR** Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut mengikat benih batu karang di kerangka besi khas sebelum di bawa ke dasar laut di Taman Laut di Pulau Perhentian, Besut, Terengganu. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI